



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEFAHAMAN KONSEP PENGIKUTAN
DALAM ORGANISASI**

DANIA BIN AB. RAHMAN

FPP 1998 90

KEFAHAMAN KONSEP PENGIKUTAN
DALAM ORGANISASI

DANIA BIN AB. RAHMAN

MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1998



KEFAHAMAN KONSEP PENGIKUTAN
DALAM ORGANISASI

OLEH
DANIA BIN AB. RAHMAN

Kertas projek ini disediakan sebagai memenuhi sebahagian syarat Master Sains
(Pembangunan Sumber manusia) Di Jabatan Pendidikan Pengembangan, Fakulti
Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

1998



PENGHARGAAN

Syukur ke hadarat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya telah dapat menyediakan kertas projek ini dengan lancar sehingga siap.

Sehubungan dengan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Azahari bin Ismail selaku penyelia kertas projek ini. Beliau telah banyak memberi bimbingan, nasihat, tunjuk ajar, pandangan dan dorongan yang berkesan pada setiap peringkat kajian dijalankan sehinggalah hasrat untuk menyediakan kertas projek ini menjadi kenyataan.

Seterusnya saya juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua responden yang telah memberi kerjasama dan maklumat yang sangat-sangat diperlukan untuk kajian ini.

Penghargaan yang tulus ikhlas juga saya rakamkan kepada semua pensyarah dan kakitangan pusat pengajian serta rakan seperjuangan yang telah banyak memberi sumbangan idea dan dorongan dalam menyiapkan kertas projek ini. Penghargaan khas saya rakamkan kepada pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan Tuan Haji Mohd Ghazali bin Hussein diatas segala dorongan dan kerjasama yang diberikan sejak saya memulakan pengajian sehinggalah kertas projek ini siap. Rasa terhutang budi juga saya kalungkan kepada semua guru yang telah mendidik dan membimbing saya dengan ikhlas sejak saya memulakan alam persekolahan. Tanpa mereka saya pasti tidak akan sampai ketahap ini.

Akhir sekali dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan perasaan terhutang budi kepada isteri tercinta Puan Muhaini bt Mustapha serta anak-anak diatas segala dorongan,

kerjasama dan kesabaran yang ditunjukkan sejak saya memulakan pengajian sehinggalah kertas kerja ini siap.



ABSTRACT

UNDERSTANDING THE CONCEPT OF FOLLOWERSHIP IN ORGANIZATION

by

Dania bin Abd.Rahman
Universiti Putra Malaysia
March,1998

Supervisor: Assoc. Prof. Dr. Azahari bin Ismail
Department Of Extension Education
Faculty Of Educational Studies
Universiti Putra Malaysia

This qualitative research was an initial exploration on the subject with the aim of understanding, the concept of followership in organization. Specifically, the study attempted to gain a deeper understand of the concept of followership; the ideal condition of followership; the problems and challenges of followership in organization; the expectations of followers; and the readiness to be good follower.

The study was conducted in the State of Kelantan. Nine respondents representing four different types of organization i.e. government department, political organization, volunteer organization and religious bodies participated in the study. The data were collected through in-depth interviews with the identified respondents. The interviews were base on conducted a set of outline question developed according to the objectives of the study. The interviews which took between one to two hours for each respondents were tape recorded and subsequently transcribed verbatim. A qualitative data analysis was done manually.



Kajian juga menunjukkan bahawa perlu wujud satu keadaan tertentu dalam sesebuah organisasi untuk merangsang pengikutan anggota secara berkesan. Antara keadaan yang dianggap ideal oleh responden ialah, penguatkuasaan undang-undang tertentu, pemimpin memahami kepentingan pengikut, pengikut sendiri memahami dan menghayati tanggungjawab dan peranan mereka dalam organisasi dan mereka mendapat pengiktirafan tertentu dalam organisasi. Kajian juga menunjukkan pengikutan dalam sesebuah organisasi menghadapi berbagai isu dan cabaran. Antara isu-isu pengikutan yang dikenalpasti ialah anggota tidak faham matlamat organisasi, kebanyakan pengikut adalah terikut-ikut, tidak tahu cara menegur ketua dan tidak faham tanggungjawab dan peranan mereka dalam organisasi.

Selanjutnya kajian ini juga menunjukkan bahawa pengikut menaruh berbagai-bagai pengharapan yang tinggi terhadap organisasi yang mereka anggotai. Pada keseluruhannya mereka mengharapkan organisasi dapat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Responden juga mengharapkan agar organisasi itu lebih responsif terhadap keperluan mereka. Seterusnya mereka juga mengharapkan matlamat organisasi mestilah sesuai dengan perkembangan semasa.

Pada keseluruhannya hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengikut pada dasarnya telah mula bersedia untuk menjadi pengikut yang baik kearah menepati fungsi dan peranan sebenar mereka dalam sesebuah organisasi.

ABSTRACT

UNDERSTANDING THE CONCEPT OF FOLLOWERSHIP IN ORGANIZATION

by

Dania bin Abd.Rahman
Universiti Putra Malaysia
March,1998

Supervisor: Assoc. Prof. Dr. Azahari bin Ismail
Department Of Extension Education
Faculty Of Educational Studies
Universiti Putra Malaysia

This qualitative research was an initial exploration on the subject with the aim of understanding, the concept of followership in organization. Specifically, the study attempted to gain a deeper understand of the concept of followership; the ideal condition of followership; the problems and challenges of followership in organization; the expectations of followers; and the readiness to be good follower.

The study was conducted in the State of Kelantan. Nine respondents representing four different types of organization i.e. government department, political organization, volunteer organization and religious bodies participated in the study. The data were collected through in-depth interviews with the identified respondents. The interviews were base on conducted a set of outline question developed according to the objectives of the study. The interviews which took between one to two hours for each respondents were tape recorded and subsequently transcribed verbatim. A qualitative data analysis was done manually.



The finding indicated that the concept of followership was still obscure, wide and varied. Followership had been defined by the respondents in different ways and the emphasis given to the different aspects of the concept was also different depending on the background and the organization they represented.

The study revealed that there was a need for an ideal atmosphere in an organization that could stimulate the members to be more effective. Among the conditions mentioned by the respondents were: rules & regulation must be enforced, the leader must understand the followers' interest, the followers themselves must understand and appreciate their responsibilities and their roles in the organization, and there must be certain forms of recognition from the organization. The research also indicated that the followership in an organization had many issues and challenges. Among the issues mentioned by the respondents were: the members did not understand the objectives of their organizations, generally the followers followed blindly, they did not know how to correct their leaders and they did not understand their responsibilities and functions in the organization.

Subsequently, the study also indicated that the followers had various high expectations of their organizations. Overall, they hoped that the organization ought to be able to solve their problems. They also hoped that the objectives of their organizations were more responsive to the current challenges.

Generally, the study shown that the followers were basically becoming more prepared to be good followers in their organizations.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	
Konsep organisasi	1
Kepimpinan	5
Pengikutan	7
Kenyataan Masalah	8
Objektif Kajian	10
Kepentingan Kajian	10
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	12
Kepentingan Organisasi	13
Matlamat Organisasi	14
Struktur Organisasi	14
Kepimpinan Dalam Organisasi	17
Pengikutan Dalam Organisasi	19
Konsep Pengikutan	22
Status Kesedaran Untuk Mengikut	27
Kondisi Yang Ideal Untuk Pengikutan	28
Pengharapan Pengikut	30
Masalah dan Cabaran Pengikutan	31

BAB 3 METODOLOGI

Pengenalan	33
Lokasi Kajian	34
Responden Kajian	35
Pengumpulan Data	35
Analisis Data	36

BAB 4 ANALISIS DAN PERSEMBAHAN DATA

Pengenalan	37
Konsep Pengikutan Masih Kabur, Luas dan Berbagai	37
Pengikutan Berkesan Memerlukan Kondisi yang Ideal	40
Kebanyakan Pengikut Terikut-ikut	42
Pengharapan Pengikut Terhadap Organisasi adalah Berbagai	43
Pengikut Kini Mulai Matang	45

BAB 5 KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Pengenalan	46
Kesimpulan	48
Implikasi	48
Cadangan	49
Cadangan Untuk Peningkatan Amalan	49
Cadangan Untuk Penggubalan Dasar	50
Cadangan Bagi Kajian Selanjutnya	50
BIBLIOGRAFI	51



BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini merangkumi empat bahagian iaitu: konsep organisasi; kepimpinan dan pengikutan; kenyataan masalah; objektif kajian; dan kepentingan kajian. Bahagian-bahagian ini dihuraikan dengan sepenuhnya seperti berikut.

Konsep Organisasi

Organisasi telah ditakrifkan dengan berbagai cara. Lazimnya penekanan takrifan diberikan keatas struktur dan peraturan-peraturan rasmi yang diwujudkan untuk membolehkan anggota bekerjasama bagi mencapai sesuatu matlamat. Millet (1966) berpendapat organisasi untuk perkhidmatan awam itu adalah “Pekerja-pekerja yang bekerjasama untuk tujuan yang sama. Manusia yang bekerja bersama-sama juga melahirkan semacam satu reaksi iaitu satu corak tingkahlaku individu dan perhubungan di dalam kelompok.” Organisasi dianggap penting untuk mewujudkan perhubungan antara mereka melalui penentuan kerja, tugas dan tanggungjawab. Peterson (1961) pula sebaliknya mengaitkan organisasi dengan sesuatu tujuan tertentu. Beliau beranggapan “Organisasi ialah satu tindakan untuk mencapai tujuan-tujuan yang sempurna. Ini boleh dicapai dengan cara meletakkan perkara-perkara yang mustahak untuk melahirkan perhubungan yang lebih sistematik di kalangan mereka.” Ini bermakna organisasi beroperasi sebagai satu agensi yang mengadakan dan mempercepatkan tindakan untuk pencapaian sesuatu tujuan.



Dari perspektif Islam organisasi adalah merupakan wadah untuk melaksanakan perintah Allah. Ini berarti umat Islam tidak boleh tidak mesti berorganisasi. Hakikat ini jelas ternyata dalam Al-Quran. Allah berfirman “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (Agama Allah) dan jangan kamu bercerai berai...” (3: 103). Ayat ini bermaksud kepentingan berorganisasi. Diperingkat yang lebih kecil keluarga adalah satu contoh sebuah organisasi. Selain itu, organisasi juga boleh wujud diperingkat kampung, negeri, negara dan antara bangsa. Stoner dan Freeman (1992) menggariskan beberapa kriteria yang perlu diambil kira untuk memahami sesebuah organisasi. Antara lain ialah: terdapat dua orang yang berkongsi matlamat yang sama; mereka bekerjasama untuk merialisasikan objektif itu; terdapat program tertentu untuk mencapai objektif; dan mesti ada pengurus atau pemimpin untuk menyelaras atau memimpin ahli kumpulan. Azahari (1986) menyatakan bahawa organisasi itu boleh difahami dari berbagai bagi perspektif sama ada takrifan, kepentingan, matlamat, struktur, kepimpinan dan pengikutan, kejayaan dan masa depannya.

Dalam organisasi moden, Stoner dan Freeman (1992) menggariskan empat kepentingan organisasi iaitu; 1) Memberi khidmat kepada masyarakat; 2) Mengekalkan pengetahuan; 3) Menyediakan peluang kerjaya; dan 4) Membantu seseorang mencapai matlamatnya. Islam menekankan kepentingan berorganisasi untuk melaksanakan perintah Allah. Sehubungan dengan ini Allah berfirman “Sesungguhnya Allah kasih kepada orang-orang yang berperang di jalanNya dengan tersusun seolah-olah mereka satu binaan.” (Al-Saff: 4) Ayat ini menekankan kepentingan berorganisasi dikalangan orang-orang Islam. Organisasi akan mengeratkan hubungan silaturrahim dikalangan orang-

orang Islam. Dengan cara berorganisasi suara mereka akan lebih dihormati dan tindakan mereka akan menjadi lebih padu. Dalam hubungan ini Nabi bersabda yang bermaksud “Ibarat orang-orang mukmin itu sebagai satu tubuh, bila salah satu anggotanya merasa sakit semuanya akan merasa sakit.” (Tarmizi & Bukhari)

Sesebuah organisasi dibentuk oleh pihak berkenaan sebagai alat untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ini bermakna organisasi itu sendiri bukanlah matlamat tetapi **jalan** atau **alat** untuk mencapai sesuatu matlamat. Sehubungan dengan ini Hawa (1983) menjelaskan untuk melahirkan kerajaan Islam, kesatuan dan keorganisasian perlu dijalankan. Organisasi politik, sebagai contoh, ditubuhkan oleh ahli-ahli politik untuk bersaing bagi mendapatkan kuasa pemerintahan negara. Pencinta-pencinta seni pula menubuhkan badan-badan kesenian untuk mempergiatkan kesenian tertentu.

Oleh kerana organisasi adalah alat untuk mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan maka perhatian yang lebih perlu diberikan untuk memastikan ianya tidak gawat dan dapat berfungsi dengan berkesan. Ke arah ini organisasi itu perlu disusun dengan teratur dan sesuai bagi maksud tertentu. Berbagai bentuk struktur organisasi telah dicipta untuk memudahkan perjalanan sesebuah organisasi itu. Ini bermakna pihak pengurusan boleh memilih struktur yang bersesuaian dengan matlamat dan kepentingan organisasi masing-masing. Dalam hubungan ini Robbins (1993) menjelaskan kepentingan penstrukturan organisasi iaitu “*Organizations create structure to facilitate the coordination of activities and to control the actions of their members....*” (ms.487). Mengenai fungsi sesebuah organisasi, Atory (1991) menjelaskannya;

Struktur organisasi melaksanakan tiga peranan utama, iaitu menyediakan beberapa mekanisma yang bertujuan untuk mengurangkan ketidakpastian luaran dan dalaman. Umpamanya, unit ramalan, penyelidikan dan perancangan dapat membantu mengurangkan ketidakpastian luaran manakala ketidakpastian dalaman pula dapat diatasi dengan bantuan unit kawalan. Disamping itu, struktur organisasi juga membolehkannya melaksanakan pelbagai aktiviti melalui peralatan seperti penjabatan, pengkhususan dan pembahagian tugas. Akhirnya struktur organisasi juga membolehkannya untuk mengkoordinasi kegiatan untuk mencapai matlamat-matlamat organisasi.(m.s.147)

Komunikasi adalah satu aktiviti penting dalam sesebuah organisasi.

Menurut Zaiko dan Dance (1965) pengurus-pengurus dalam organisasi besar di Amerika Syarikat menggunakan 85-90 peratus daripada masa kerja mereka untuk kerja-kerja yang ada kaitan dengan komunikasi. Penulis-penulis tentang organisasi telah menekankan kepentingan organisasi sejak sebelum perang dunia ke dua lagi. Bernad (1938) menyatakan bahawa tugas pertama yang patut dilakukan oleh seorang pemimpin dalam sesebuah organisasi ialah membentuk dan mengekalkan satu sistem komunikasi formal yang baik. Pemimpin juga patut berusaha mewujudkan iklim komunikasi yang baik dalam organisasinya di samping menggalakkan satu sistem komunikasi tidak formal yang berkesan.

Mengenai komunikasi dalam Islam, Mohd Yusof (1991) menggariskan tujuh perinsip komunikasi yang penting iaitu: 1) Bercakap dengan lemah lembut; 2) Mengguna perkataan yang baik-baik; 3) Menggunakan hikmah dan nasihat yang baik; 4) Menyesuaikan isu bahasa dengan tingkat kecerdasan pendengar; 5) Berbahas dengan cara yang baik; 6) Menyebut perkara yang penting berulang kali; dan 7) Mengota apa yang dikata.

Kepimpinan

Kepimpinan adalah unsur penting dalam sesebuah organisasi. Pemimpin yang berkualiti akan menjamin pencapaian matlamat dan kelangsungan sesebuah organisasi itu. Suroya (1997) dalam pemerhatiannya keatas pertubuhan pertubuhan belia di Semenanjung Malaysia telah menyimpulkan kegawatan dan kelesuan yang melanda pertubuhan-pertubuhan belia sekarang berpunca dari kelemahan kepimpinan dan keadaan ahli pertubuhan sukarela itu sendiri yang tidak aktif. Manakala Robbins (1993) menjelaskan fungsi kepimpinan adalah untuk membentuk visi masa depan sesebuah organisasi. *“Leaders establish direction by developing a vision of the future, than they align people by communicating this vision and inspiring them to overcome hurdles.”* (m.s.365).

Konsep kepimpinan dalam Islam adalah jelas dan tegas seperti sabda

Rasullullah;

Kamu sekalian adalah pemimpin dan kamu akan ditanya tentang rakyat yang kamu pimpin. Pemimpin akan ditanya mengenai hak rakyat yang dipimpinnnya. Suami akan ditanya hal keluarga yang dipimpinnnya. Isteri menjaga hal rumah-tangga dan akan ditanya hal yang dipimpinnnya. Pelayan memelihara hak majikannya akan ditanya hal yang dipimpinnnya. Kamu sekalian adalah pemimpin dan akan ditanya (diminta bertanggungjawab) terhadap kepimpinan kamu. (Bukhari & Muslim).

Umat manusia ditugaskan untuk memimpin dan bertanggungjawab mewujudkan keamanan sejagat. Dengan sebab itu Allah s.w.t menggariskan kepimpinan itu hendaklah diamanahkan kepada orang yang sebenarnya beriman kepada Allah, beramal salih serta disusuli dengan kecerdasan akal manusia yang mampu mengimbangkan antara keperluan rohani dan jasmani. Dalam hubungan ini Allah berfirman dalam surah An-Nur ayat 55, maksudnya:

Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal salih dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi ini, sebagaimana Ia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka khalifah-khalifah yang berkuasa ; dan Ia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur engkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.

Islam juga menyarankan agar diwujudkan ikatan yang padu antara pemimpin dengan rakyat supaya sesebuah organisasi sentiasa berada dalam keadaan yang stabil dan utuh. Dalam hal ini Allah s.w.t berfirman dalam surah An-Nisa ayat 58 yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukuman diantara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.

Dalam ayat di atas Allah memberi peringatan kepada pemimpin agar sentiasa amanah dalam menjalankan tugasnya, sentiasa berlaku adil dalam menyelesaikan masalah manusia dan semasa menjatuhkan hukuman keatas mereka. Mengenai tanggungjawab kepimpinan dalam sesebuah organisasi, Azahari (1996) telah menggariskan lima tanggungjawab kepimpinan iaitu: 1) Menentu arah; 2) Urus kumpulan; 3) Menjalankan kerja; 4) Membangun anggota; dan 5) Menilai.

Mengulas tentang program latihan kepimpinan di negara ini Azahari (1986) menyatakan;

Banyak pihak telah memberikan perhatian yang mendalam mengenai program latihan kepimpinan. Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan berbagai kursus, seminar, bengkel dan lain lain lagi untuk

pembangunan kepimpinan organisasi sukarela. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) juga mengadakan program latihan kepimpinan. Jabatan pertanian turut berbuat demikian untuk ketua-ketua tani. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia pula mengadakan kursus ketua kumpulan kecil nelayan (KUKENAL). Tetapi tidak ada agensi yang mengatur program untuk pembangunan dan peningkatan kepengikutan dalam sesebuah organisasi.

Pendapat Azahari adalah selaras dengan pengalaman penulis sendiri yang telah berkhidmat dengan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia sejak 20 tahun yang lalu. Sebagai contoh tidak pernah tercatat perkataan pengikut dan pengikutan dalam buku-buku laporan tahunan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan.

Pengikutan

Pengikut adalah merupakan subsistem organisasi penting yang jarang diberi perhatian secara mendalam. Azahari (1982) dalam penelitiannya keatas khairat kematian yang wujud dalam setengah masyarakat orang Melayu telah mengenalpasti sepuluh faktor yang boleh mempengaruhi keteguhan atau kehancuran organisasi. Peranan anggota ialah untuk memantapkan faktor-faktor berkenaan. Faktor-faktor yang telah dikenalpasti oleh Azahari (1982) ialah: 1) Identiti; 2) Misi; 3) Struktur; 4) Sumber; 5) Keanggotaan 6) Komunikasi; 7) Norma; 8) Kerja; 9) Persekitaran; dan 10) Penilaian. Mengikut beliau, faktor-faktor ini adalah saling kait mengait. Ini bermakna pembangunan organisasi itu harus dibuat secara menyeluruh merangkumi semua aspek secara sekaligus. Dalam hal ini beliau mendapati bahawa terlalu kurang penekanan diberikan terhadap peranan pengikut dalam memantapkan faktor-faktor tersebut dalam sesebuah organisasi. Berdasarkan gambaran yang telah dikemukakan ternyata

sekali bahawa masih terdapat banyak ruang yang belum diisi berkait dengan kedudukan, peranan, tanggungjawab dan sumbangan pengikut dalam sesebuah organisasi.

Azahari (1984) berpendapat adalah malang sekali kerana terlalu kurang penekanan diberikan dalam aspek pengikutan yang tidak kurang pentingnya dalam sesebuah organisasi. Pengikut adalah golongan yang sebenarnya melaksanakan program organisasi iaitu dari segi perancangan, pelaksanaan dan penilaian aktiviti organisasi. Tetapi hakikat ini sebenarnya tidak berlaku.

Kenyataan Masalah

Dari awal sejarah kajian formal kepimpinan yang telah bermula sejak 1900 hingga sekarang penekanan adalah diberikan dalam bidang kepimpinan dan tidak banyak menyentuh mengenai pengikutan dalam sesebuah organisasi. Kepimpinan dan pengikutan adalah sama penting dan mesti diberikan perhatian yang sama. Pengikut merupakan golongan yang melaksanakan aktiviti yang telah dirancang oleh organisasi berkenaan. Tanpa penglibatan mereka aktiviti tidak dapat dilaksanakan.

Azahari (1984) menegaskan bahawa kebanyakan organisasi sama ada badan-badan kerajaan, politik, badan sukarela atau badan-badan korporat telah mengadakan berbagai program untuk pembangunan kepimpinan dalam organisasi masing-masing tetapi jarang sekali mengadakan program untuk peningkatan pengikutan dalam organisasi mereka. Pengalaman penulis berkhidmat selama 20 tahun dengan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia adalah selaras dengan pendapat Azahari. Sebagai contohnya, tidak terdapat perkataan pengikut dan

kepengikutan dalam buku laporan tahunan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan.

Oleh kerana kurangnya perhatian yang diberikan dan penjelasan yang dibuat mengenai pengikutan dalam sesebuah organisasi maka konsep pengikutan sangat kurang difahami dan dihayati oleh pemimpin-pemimpin organisasi dan pengikut organisasi itu sendiri. Pada umumnya keutuhan organisasi dilihat dari sudut kepimpinan sahaja. Keadaan ini telah menyebabkan timbulnya satu keadaan dimana kefahaman terhadap pengikutan dalam sesebuah organisasi amat rendah. Anggota organisasi sendiri tidak begitu jelas dan tidak cukup faham tentang tugas dan tanggungjawab mereka dalam organisasi. Berdasarkan gambaran yang dikemukakan ini ternyata sekali masih banyak ruang yang belum diisi dan bidang yang belum difahami berkait dengan kedudukan, peranan, tanggungjawab dan sumbangan pengikut dalam sesebuah organisasi.

Mengambil kira kepimpinan dan pengikutan adalah sama penting dalam sesebuah organisasi dan terlalu kurang penekanan diberikan dalam aspek pengikutan maka adalah wajar kefahaman yang lebih tinggi diperolehi mengenai pengikutan. Pengikut pada dasarnya adalah golongan yang sebenarnya melaksanakan kesempurnaan organisasi iaitu dari segi perancangan, pelaksanaan dan penilaian aktiviti. Tetapi hakikat ini sebenarnya belum wujud pada tahap yang boleh dibanggakan. Sehubungan dengan itu, kefahaman tentang harapan, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh organisasi tentang pengikutan juga masih belum difahami dengan jelas.

Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk memahami kepengikutan dalam sesebuah organisasi. Manakala secara khususnya, objektif kajian adalah untuk memahami:

1. Konsep pengikutan dalam sesebuah organisasi
2. Kondisi yang ideal untuk pengikutan
3. Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pengikut
4. Pengharapan pengikut dalam organisasi
5. Kedudukan kesedian pengikut untuk menjadi pengikut yang baik

Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan satu penerokaan baharu dalam bidang yang belum mendapat perhatian sewajarnya di kalangan penyelidik dan pengamal. Buat masa ini maklumat berhubung dengan pengikutan dalam organisasi tidak banyak didapati. Kajian ini dijangka dapat mengumpul maklumat penting mengenai konsep pengikutan dalam sesebuah organisasi. Dari segi ilmiah kajian ini akan dapat memperlaskan lagi konsep pengikutan dalam sesebuah organisasi. Dengan demikian kefahaman dan pengetahuan mengenai bidang ini akan bertambah.

Kajian ini juga memberi kefahaman dan keyakinan kepada kumpulan pengikut, bahawa pengikut mempunyai tanggungjawaban dan peranan penting yang boleh menyumbang kepada pembangunan sesebuah organisasi. Seterusnya hasil kajian ini akan dapat digunakan sebagai pedoman praktikal bagi semua pihak yang terlibat dalam pembangunan kepimpinan dan pengikutan.

Selain daripada itu hasil kajian ini dijangka akan dapat dijadikan bahan rujukan untuk badan-badan tertentu yang terlibat dengan pembangunan sesebuah organisasi. Selanjutnya hasil kajian ini juga akan dapat menjadi asas bagi kajian selanjutnya mengenai pengikutan .

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

Pengenalan

Organisasi boleh difahami dari berbagai-bagai perspektif seperti takrifan, kepentingan, matlamat, struktur, kepimpinan dan pengikutan, kejayaan, halangan dan masa depannya (Azahari 1986). Dalam Islam organisasi adalah merupakan wadah untuk menyempurnakan perintah-perintah Allah di dunia ini. Ini bermakna orang-orang Islam tidak boleh tidak mesti berorganisasi. Hakikat ini jelas ternyata di dalam Al-Quran dan hadis-hadis sahih. Allah berfirman “Sesungguhnya Allah kasih kepada orang-orang yang berperang di jalanNya dengan tersusun seolah-olah mereka satu binaan.” (Al-Saff 61:4). Ayat ini menekankan pentingnya berorganisasi, perpaduan dan mempunyai dasar yang kukuh dan teguh. Sekaligus memperlihatkan konsep saling bergantung dan saling memperkukuhkan antara satu dengan lain di kalangan anggota organisasi adalah penting. Sebaliknya sekiranya perkara ini tidak ditangani organisasi akan goyang dan akhirnya akan runtuh terutama sekali apabila wujudnya suasana curiga mencurigai, khianat mengkhianati antara satu sama lain di kalangan ahli dalam organisasi berkenaan. Sesebuah organisasi boleh wujud di peringkat keluarga yang merupakan unit kecil dalam masyarakat. Selain itu organisasi juga boleh wujud peringkat kampung, negeri, negara dan peringkat antarabangsa.

Stoner dan Freeman (1992) menggariskan beberapa kriteria yang perlu diambil kira untuk memahami organisasi iaitu, mempunyai sekurang-kurangnya dua

orang, mereka mempunyai matlamat yang dikongsi bersama, ahli-ahli bekerjasama untuk merealisasikan objektif itu, mereka mempunyai program tertentu untuk mencapai objektif tadi dan mempunyai pemimpin atau pengurus untuk menyelaras dan memimpin ahli-ahli kumpulan.

Kepentingan Organisasi

Islam menekankan organisasi adalah penting. Umat Islam memerlukan organisasi yang sesuai untuk melaksanakan perintah-perintah Allah secara berkesan. Sebagai contoh, untuk melaksanakan perintah menyeru manusia membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran di kalangan mereka (Al-Imran 3:10) akan menjadi lebih berkesan sekiranya dibuat secara berorganisasi. Dalam konteks organisasi moden Stoner dan Freeman (1992) menyatakan empat kepentingan organisasi kepada manusia:

- 1) Manusia mempunyai kemampuan yang terhad. Adalah mustahil seseorang itu dapat melakukan semua perkerjaan atau mahir dalam semua bidang penghidupan. Melalui organisasi manusia akan saling memperlengkapkan antara satu sama lain.
- 2) Organisasi akan memberi peluang pekerjaan kepada manusia. Apabila ujudnya sesebuah organisasi tentunya ia akan memberi peluang pekerjaan kepada individu tertentu mengikut kemahiran masing-masing.
- 3) Organisasi yang ditubuhkan akan memberi khidmat kepada masyarakat samada secara langsung atau tidak.
- 4) Organisasi seperti universiti atau pusat penyelidikan adalah merupakan tempat memelihara pengetahuan yang akan di sebarkan kepada masyarakat umum (m.s.5-6)